



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

18 OKTOBER 2024 (JUMAAT)

Kerajaan Jimat RM1.2 Bilion Setahun Jika Hapus Subsidi Telur

MEDIA

Berita Harian

RUANGAN

Bisnes

MUKA SURAT

23

Kerajaan jimat RM1.2 bilion setahun jika hapus subsidi telur

Pemansuhan subsidi telur sebanyak 10 sen yang mungkin disentuh dalam Belanjawan 2025 hari ini boleh menghasilkan penjimatan sebanyak RM100 juta sebulan atau RM1.2 bilion setahun, demikian menurut TA Securities.

Firma penyelidikan itu dalam satu nota penyelidikan berkata, jika kerajaan meneruskan pemansuhan itu, harga telur jangka meningkat hanya antara dua hingga tiga sen sebutir, sekali gus meredakan kebimbangan terhadap kenaikan harga yang mendadak.

"Ini (penghapusan subsidi) akan bertindak sebagai sebahagian daripada strategi kerajaan untuk mengalihkan penjimatan daripada subsidi yang disasarkan kepada sektor kritikal seperti penjagaan kesihatan, pendidikan dan pengangkutan

awam," katanya.

Subsidi telur yang diperkenalkan semasa kekurangan sumber makanan itu pada 2022, kini mengehadkan harga pada 42 sen untuk telur Gred A, 40 sen untuk Gred B dan 38 sen untuk Gred C.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dilaporkan mengkaji semula pemberian subsidi telur ayam bagi gred A, B dan C sekiranya bekalan kembali pulih dan stabil.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata langkah menamatkan subsidi berkenaan wajar dipertimbangkan berdasarkan kejayaan penamatan subsidi ayam yang memberi penjimatan RM100 juta sebulan.

Katanya, penjimatan daripada subsidi itu dapat dimanfaatkan

untuk membangunkan sektor agromakanan lain yang lebih mendesak.

Sementara itu, TA Securities berkata, walaupun terdapat potensi penamatan subsidi, ia menjelaskan bahawa kenaikan harga mungkin akan menjadi minimum berikutan kos pengeluaran yang lebih rendah dan ringgit lebih kukuh.

Sementara itu, ia berkata harga makanan jagung dan kacang soya yang menyumbang sebahagian besar kos makanan ayam, masing-masing turun sebanyak 17.9 peratus dan 24.3 peratus tahun ke tahun.

Katanya, kos makanan yang lebih rendah, bersama-sama dengan peningkatan nilai ringgit, menjadikan import lebih murah, sekali gus membantu pen-ternak untuk menyerap kesan penghapusan subsidi.

"Kami percaya kos makanan yang lebih rendah pada masa ini dan ringgit yang lebih kukuh akan memberi manfaat kepada syarikat ternakan dalam jangka pendek dengan mengembangkan margin mereka.

Dengan jangkaan pemansuhan subsidi telur, pengeluaran ayam mungkin mendapat lebih fleksibiliti dalam menyesuaikan harga jualan, sebagai tindak balas kepada permintaan pasaran dan keadaan bekalan," kata firma penyelidikan itu.

TA Securities juga percaya bahawa pemain industri utama seperti Leong Hup International Bhd dan QL Resources Bhd, yang mengeluarkan jutaan telur setiap hari,

berada pada kedudukan yang baik untuk mengurus kesan pemansuhan subsidi itu.

"Kami percaya bahawa pemain utama seperti Leong Hup dan QL Resources akan mendapat manfaat daripada kecekapan kos dan kedudukan pasaran yang kukuh," katanya.



Pemansuhan Subsidi Telur 10 Sen Mampu Jimat RM100j Sebulan

MEDIA

RUANGAN

MUKA SURAT

Harian Metro

Belanjawan Negara 2025

26

Kuala Lumpur: Pemansuhan subsidi telur sebanyak 10 sen yang mungkin disentuh dalam Belanjawan 2025 hari ini boleh menghasilkan penjimatan sebanyak RM100 juta sebulan atau RM1.2 bilion setahun.

Menurut TA Securities dalam satu nota penyelidikan, jika kerajaan meneruskan pemansuhan itu, harga telur dijangka meningkat hanya antara dua hingga tiga sen sebutir, sekali gus meredakan kebimbangan terhadap kenaikan harga yang mendadak.

"Ini (penghapusan subsidi) akan bertindak sebagai sebahagian daripada strategi kerajaan untuk mengalihkan penjimatan daripada subsidi yang didasarkan kepada sektor kritikal seperti penjagaan kesihatan, pendidikan dan pengangkutan awam," katanya.

Subsidi telur yang diperkenalkan semasa kekurangan sumber makanan itu pada 2022, kini mengehadkan harga pada 42 sen un-

Pemansuhan subsidi telur 10 sen mampu jimat RM100j sebulan

tuk telur Gred A, 40 sen untuk Gred B dan 38 sen untuk Gred C.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dilaporkan mengkaji semula pemberian subsidi telur ayam bagi gred A, B dan C sekiranya bekalan kembali pulih dan stabil.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata langkah menamatkan subsidi berkenaan wajar dipertimbangkan berdasarkan kejayaan penamatan subsidi ayam yang memberi penjimatan RM100 juta sebulan.

Katanya, penjimatan daripada subsidi itu dapat dimanfaatkan untuk membangunkan sektor agromakanan lain yang lebih mendesak.

Sementara itu, TA Securities berkata, walaupun terdapat potensi penamatan subsidi, ia menjelaskan bahawa kenaikan harga mungkin akan menjadi minimum berikutan kos pe-

ngeluaran yang lebih rendah dan ringgit lebih kukuh.

Sementara itu, ia berkata harga makanan jagung dan kacang soya yang menyumbang sebahagian besar kos makanan ayam, masing-masing turun sebanyak 17.9 peratus dan 24.3 peratus tahun ke tahun.



KPKM dilaporkan mengkaji semula pemberian subsidi telur ayam bagi gred A, B dan C sekiranya bekalan kembali pulih dan stabil.

Isu, Cabaran dan Strategi Tingkat Pengeluaran Daging Lembu Di Malaysia

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Tinta Minda	Online	18 Okt



Foto fail

Daging lembu dan kerbau merupakan sumber protein penting yang menyokong keperluan asid amino dan mikronutrien bagi pemakanan serta kesihatan manusia. Pada tahun 2005, penggunaan daging lembu dan kerbau di Malaysia berjumlah 138,980 tan metrik berbanding 244,801 tan metrik pada tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 76 peratus. Ini mencerminkan kadar peningkatan purata sebanyak 4.47 peratus setiap tahun. Jumlah penggunaan daging sesebuah negara lazimnya berkadar terus dengan peningkatan populasi

dan pendapatan rakyat.

Namun, bekalan tempatan untuk kedua-dua jenis daging tersebut telah mengalami penurunan. Hasilnya, kadar sara diri telah menurun daripada 23.6 peratus pada tahun 2015 kepada 14.7 peratus pada tahun 2022, bermakna sebanyak 85.3 peratus keperluan daging lembu dan kerbau di negara ini perlu diimport.

Secara terperinci, trend populasi lembu dan kerbau menunjukkan penurunan

daripada 914,548 ekor pada tahun 2005 kepada 801,614 ekor pada tahun 2022. Ini bermakna antara tahun 2005 hingga 2022, negara telah mengalami penguncupan ternakan sebanyak 12.35 peratus. Penurunan populasi ternakan juga boleh dikaitkan dengan kadar penyembelihan yang tinggi terhadap ternakan tempatan. Pada tahun 2015, daripada 149,174 ekor lembu dan kerbau yang disembelih, 45.6 peratus berasal daripada sumber tempatan.

Pada tahun 2022, daripada 125,313 ekor yang disembelih, sebanyak 90.1 peratus diperoleh daripada sumber tempatan. Peningkatan peratus ternakan yang disembelih daripada sumber tempatan akan menggugat kestabilan gerompok ternakan. Kajian telah menunjukkan bahawa jika jumlah penyembelihan, penyingkiran, dan kematian lembu serta kerbau setiap tahun melebihi jumlah penggantian melalui kelahiran dan tambahan ternakan baharu daripada import, maka akan berlaku pengurangan populasi ternakan.

STRATEGI

Jabatan Perkhidmatan Veterinar, di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, telah

melaksanakan pelbagai program dan inisiatif bagi meningkatkan serta memperkembangkan pengeluaran lembu dan kerbau secara tempatan. Namun, usaha-usaha setakat ini masih kurang berkesan.

Sudah tiba masanya kita memikirkan pendekatan yang berkesan serta berfokus kepada strategi-strategi yang boleh membina populasi ternakan, iaitu dengan meningkatkan populasi bibit atau lembu pembiak. Apabila berlaku peningkatan bilangan lembu pembiak yang tinggi, maka lebih banyak anak lembu boleh dihasilkan dan dengan ini penggandaan populasi ternakan akan berlaku.

Kawasan yang luas diperlukan untuk memperkembangkan aktiviti pembiakan dan menambahkan populasi ternakan. Malaysia tidak mempunyai kawasan ragutan yang luas seperti Australia, tetapi mempunyai kawasan tanaman kelapa sawit yang begitu luas iaitu 5.85 juta hektar, di mana sebahagiannya (12.6 peratus) telah digunakan untuk menternak lembu.

Beberapa syarikat serta pengusaha persendirian sedang dengan jayanya mengusahakan perladangan integrasi lembu dengan

tanaman kelapa sawit. Jika kita boleh menambah lagi kawasan seluas 750,000 hektar (anggaran peningkatan 13 peratus) untuk menternak lembu di dalam ladang kelapa sawit, maka kita boleh menambah bilangan ternakan sebanyak 187,500 ekor (berdasarkan nisbah satu ekor induk bagi setiap empat hektar). Ini berpotensi menambah pengeluaran daging berjumlah 10,416 tan metrik (dengan andaian 18 induk boleh menghasilkan satu tan metrik daging berdasarkan kadar kelahiran 56 peratus, dengan tambahan sembelihan 20 peratus daripada induk yang diasing singkir dan 20 peratus daripada anak betina).

Sudah tentu ini memerlukan penyertaan syarikat-syarikat besar untuk melabur dalam industri ini kerana syarikat perladangan kelapa sawit swasta dan senarai awam memiliki lebih daripada 50 peratus keseluruhan kawasan tanaman kelapa sawit di dalam negara.

Secara lazimnya, syarikat-syarikat ini menyatakan bahawa mereka tiada kepakaran untuk menceburi bidang ini serta pulangan yang rendah. Bagi menarik minat syarikat-syarikat tersebut, tiga pendekatan boleh disyorkan untuk mereka pilih bagi mengatasi

kekangan yang dihadapi:

1. Mengadakan usahasama dengan syarikat-syarikat yang berjaya untuk mengusahakan integrasi lembu dengan tanaman kelapa sawit.
2. Melantik syarikat yang berjaya untuk menguruskan atau mengendalikan perniagaan integrasi ternakan lembu dengan kelapa sawit.
3. Menyewakan kawasan kepada koperasi penternak lembu setempat untuk mengusahakan bidang ini dengan menggunakan garis panduan yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta di bawah pemantauan jabatan.

INSENTIF DAN POLISI

Di samping itu, kerajaan juga boleh membantu menyediakan insentif percukaian tambahan kepada syarikat yang terlibat dalam pelaburan ini. Walau bagaimanapun, perkara yang paling penting adalah satu polisi perlu diwujudkan untuk mewajibkan setiap syarikat perladangan kelapa sawit mengenal pasti dan menyediakan 20 peratus hingga 25 peratus daripada kawasan tanaman kelapa sawit mereka untuk penternakan lembu bagi

memastikan bekalan daging lembu tempatan dapat dipertingkatkan.

Integrasi ternakan dengan tanaman kelapa sawit juga dapat mengurangkan penggunaan racun (15 peratus-40 peratus) untuk meracun rumpai kerana ternakan lembu dapat meragut sebahagian daripada rumpai tersebut. Bukan itu sahaja, pengurangan penggunaan racun dapat mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar, dan syarikat boleh menonjolkan usaha ini sebagai menepati keperluan di bawah 'ESG' (Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus), Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO), dan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang kini diberi tumpuan.

Selain itu, usaha perlu diambil untuk mengatasi penyembelihan lembu betina yang produktif. Antara sebab lembu produktif disembelih adalah untuk menambah pendapatan atau bilangan ternakan yang dipelihara tidak dapat ditampung oleh kawasan meragut yang terhad. Sudah ada peruntukan undang-undang di bawah Akta Binatang 1953 (Akta 647) yang melarang penyembelihan untuk mengurangkan ketirisan induk ternakan.

Akta ini boleh digunakan

bersama dengan satu sistem yang boleh diwujudkan untuk pembelian semula lembu-lembu betina produktif yang hendak disembelih dan kemudiannya dijual semula atau diagihkan kepada penternak yang berkapasiti untuk meningkatkan populasi lembu.

Strategi ini boleh dijayakan jika pendekatan bersepadu dilakukan oleh kerajaan dan pihak swasta di samping strategi lain yang sedang, akan, dan perlu dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, seperti yang terkandung dalam Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedaging Negara (BIF Plan) 2021-2025.

Dengan usaha-usaha yang berfokus ini, kita dapat meningkatkan kadar sara diri untuk bekalan daging lembu dan kerbau ke suatu tahap yang lebih tinggi.-[BERNAMA](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR